

# **Kursus Kepimpinan Pembantu Pelajar Minggu Suai Kenal**

## **FASA 1**

Oleh: En. Mohamad Hafiz Mohamad Shokri

Pada 15 hingga 17 April bertempat di Kem Bina Negara Kaki Bukit, Perlis-Kursus Fasa Pertama untuk Pembantu Pelajar Minggu Suai Kenal (PPMS) Fasa 1 telah pun berjaya dijalankan dengan lancar tanpa sebarang masalah yang berlaku. Kursus ini merupakan anjuran oleh Unit Latihan dan Pembangunan Pelajar Hal Ehwal Pelajar UniMAP yang dijalankan selama 3 hari dan 2 malam. Seramai 105 orang pelajar UniMAP telah berjaya hadir bagi menghadapi kursus kali ini.

Kursus ini telah berjaya membina semangat kerjasama dalam kumpulan melalui beberapa modul yang telah diterapkan dalam kursus tersebut. Kursus ini telah mendapat khidmat fasilitator di Kalangan Pegawai dan Staff UniMAP. Pada hari pertama kursus, ceramah kepimpinan telah diberikan oleh En Razli Ahmad selaku Dekan Hal ehwal Pelajar & Alumni UniMAP. Selain itu sesi Latihan Dalam Kumpulan telah diadakan selama 2 slot dikendalikan oleh fasilitator yang terlibat. Pada hari ke 2 kursus, para peserta telah diterapkan dengan modul ``outdoor`` di mana pelajar ini diuji dengan aspek ketahanan mental dan fizikal apabila sesi perkemahan diadakan berdekatan dengan hutan simpanan yang berada di sekitar Kem. Sesi ini telah dibantu oleh barisan jurulatih yang telah dibawakan khas untuk mengendalikan sesi ini.

Selain daripada sesi perkemahan, sesi kerohanian juga turut diselitkan bagi santapan rohani bagi pelajar Muslim. Selain itu juga para pelajar telah diberi arahan untuk menyediakan masakan untuk makan malam dengan memasak bahan mentah yang telah disediakan. Pada sesi ini telah memberikan pengalaman yang baru kepada sesetengah pelajar yang masih belum merasai sesi seperti ini.

Pada hari terakhir, kursus ini telahpun berjaya sedikit sebanyak membina satu semangat kerjasama dalam kumpulan di kalangan pelajar bagi menghadapi kemasukan pelajar untuk Minggu Suai Kenal akan datang. Selain itu tahap disiplin yang tinggi juga telah berjaya dibentuk kepada pelajar-pelajar yang terlibat dalam kursus ini.